

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
(BAHAGIAN JENAYAH)
[PERMOHONAN JENAYAH NO.: WA-44-35-04/2024]**

ANTARA

AHMAD RAMLI MOHD NOR

(No. K/P: 440114-38-5009)

... PEMOHON

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

Pengenalan

- [1] Pemohon di dalam kes ini menghadapi tiga (3) pertuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan yang didaftarkan sebagai WA-62R-42-08/2022 dalam Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.
- [2] Permohonan ini difailkan bagi tujuan untuk membatalkan pertuduhan-pertuduhan yang sedang dihadapi oleh Pemohon dan agar Pemohon dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan-pertuduhan tersebut.
- [3] Satu-satunya alasan yang disandarkan bagi permohonan ini adalah berkaitan dengan keadaan kesihatan Pemohon yang dikatakan mengalami “*progressive neurodegenerative*” dan keadaan ini adalah konsisten dengan “*moderate mixed dementia*”. Oleh itu pertuduhan-pertuduhan tersebut didakwa terjumlah kepada suatu penyalahgunaan proses.
- [4] Permohonan ini (kandungan 1) disokong oleh affidavit (kandungan 2) yang diikrarkan oleh Rinnie binti Mohd Nor yang merupakan anak perempuan Pemohon. Affidavit kandungan 2 ini

melampirkan dua (2) pucuk surat, masing-masing bertanda “A-2” daripada Professor Emeritus Dr. Raymond Azman daripada Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA yang melampirkan laporan pengimejan resonan (“*Magnetic Resonance Imaging*” (MRI)) dan surat daripada Profesor Dr. Shahrul Bahyah Kamaruzzaman daripada University of Malaya Specialist Centre bertanda “A-3”.

- [5] Profesor Dr. Raymond melalui surat bertanda A-2 memperakui bahawa Pemohon mengalami:

“progressive neurological condition that impairs his recent memory and attention span”.

Prognosis ini disokong oleh Profesor Dr. Shahrul melalui surat bertanda A-3 dengan prognosis berikut:

“My physical and cognitive assessment of this gentleman is that of a progressive neurodegenerative condition consistent with a moderate Mixed dementia. This is based on the clinical history, examination as well as neuropsychological tests which confirmed deficits in focus and attention as well as word finding ability. His short-term memory in terms of recall is also impaired. He will need assistance in managing his physical and cognitive activities in the near future.”

- [6] Permohonan ini walau bagaimanapun dibantah oleh pihak Responden atas alasan ianya merupakan suatu yang tidak berasas, remeh, menyusahkan dan menyalahi proses Mahkamah (rujuk kandungan 3, Affidavit Balasan pegawai penyiasat kes ini, Muhammad Afnan bin Abdullah).

- [7] Kedua-dua pihak, Pemohon dan Responden dalam hujahan mereka bersetuju bahawa Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa sedia ada untuk membatalkan ataupun mengenyahkan pertuduhan yang didapati menindas atau apabila berlakunya penyalahgunaan proses

Mahkamah. Rujukan telah dibuat kepada keputusan kes-kes seperti *Ahmad Zubair Hj. Murshhid v. PP* [2014] 9 CLJ 289, 6 MLJ 831, *Connelly v. Director of Public Prosecutor* [1964] AC 1254.

- [8] Dalam keadaan ini, Mahkamah tidak akan mambincangkan isu ini dengan lebih lanjut selain dari bersetuju bahawa sememangnya Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa sedia ada untuk mendengar permohonan ini dan memutuskan sama ada untuk mengenenpikan atau membatalkan pertuduhan yang dikenakan terhadap Pemohon atas alasan ia merupakan satu penyalahgunaan proses ataupun sebaliknya.

HUJAH PIHAK-PIHAK

- [9] Hujah pihak Pemohon adalah berpaksikan kepada dakwaan bahawa keadaan mental semasa Pemohon, akan menafikan keupayaan Pemohon untuk menampilkan pembelaan yang sewajarnya bagi menangkis pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya. Pemohon dikatakan tidak mampu untuk memberikan versi tepat tentang apa yang berlaku, tidak mempunyai keupayaan untuk mengingati kejadian atau apapun yang timbul ketika perbicaraan malah didakwa tidak mempunyai kemampuan untuk memberikan sebarang arahan kepada peguambela beliau sendiri dalam keadaan mental semasa beliau.
- [10] Bagi menyokong hujahan ini, satu dari kes Hong Kong, *The Queen v. Chui Te-Ken, Deacon and Another* [1993] HKCU 0644, dipetik, di mana Leonard J menyatakan:

“In light of all the expert evidence and of the evidence from other witnesses as to his behaviour in his daily life, I was satisfied on the balance of probabilities that D1 was suffering from dementia. The condition is permanent and progressive.....His ability to defend himself has been

seriously impaired by dementia.

..... The condition from which he suffered was progressive and would have continued during the trial. This must have had a gravely adverse effect in the circumstances of this particular case on his ability to make full answer and defence.

..... His doctors were of the opinion that the stress and strain of the trial would be likely to have a seriously adverse effect upon his health, hastening the rate of his intellectual deterioration and shortening his life.

..... When I looked at the whole case in the round, I was satisfied on the balance of probabilities that in all the circumstances, whatever direction I might give to the jury, D1 could not have a fair trial on this indictment. He would be deprived of his right to a fair trial at common law and under Article 10 and his trial would therefore be an abuse of process. In those circumstances I was satisfied that his was one of the rare and exceptional cases in which it is my duty to order a stay of proceedings.”

- [11] Seterusnya pihak Pemohon bergantung kepada kes *R v. M* [2003] EWCA Crim 3452 di mana dinyatakan sekiranya seseorang tertuduh gagal memenuhi mana-mana satu dari enam (6) perkara yang dinyatakan, maka tertuduh itu mestilah didapati sebagai tidak layak (*unfit*) untuk dibicarakan.

“[20] The judge directed the jury with great care as to the legal test to be applied to this issue. He directed them that in order to be fit to stand trial at all a defendant must be capable of doing six things. He told them that it followed that it was sufficient for the defence to persuade them on the balance of probabilities that any one of those six things was beyond the Appellant’s capabilities. Those six things were as follows: (1)

understanding the charges; (2) deciding whether to plead guilty or not; (3) exercising his right to challenge jurors; (4) instructing solicitors and counsel; (5) following the course of the proceedings; (6) giving evidence in his own defence.”

[12] Peguambela bagi pihak Pemohon menghujahkan berdasarkan kes di atas, nyata bahawa Pemohon tidak layak untuk dibicarakan kerana keadaan mental beliau tidak memenuhi mana-mana satu dari perkara yang dinyatakan.

[13] Akhir sekali, pihak Pemohon menghujahkan bahawa berasaskan kepada prinsip “*common law*” dan disokong oleh keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim v. Public Prosecutor* [2010] 6 MLJ 533 yang menyatakan:

“[31]The burden of establishing that the pursuit of particular proceedings would amount to an abuse of process is on the accused and the standard of proof is on the balance of probabilities: Regina v. Telford Justices, Ex parte Badhan [1991] 2 WLR 866; R v. Crown Court at Norwich, ex p Belsham [1992] 94 Cr App R 382 (DC).”,

[14] Mahkamah ini tiada pilihan selain dari mendapati bahawa Pemohon adalah seorang yang tidak layak untuk dibicarakan berasaskan kepada keadaan semasa mental beliau dan seterusnya membatalkan ataupun mengenyahkan pertuduhan kerana didapati menindas atau berlakunya penyalahgunaan proses Mahkamah.

[15] Sebagai hujahan balasan, pihak Responden menegaskan bahawa Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah memberikan budi bicara kepada Pendakwa Raya untuk meneruskan perbicaraan sesuatu kes ataupun sebaliknya.

[16] Responden seterusnya berhujah bahawa laporan perubatan yang ditandakan sebagai eksibit A2 dan A3 di dalam affidavit yang diikrarkan oleh anak Pemohon tidak boleh dijadikan sebagai

sandaran dan asas pertimbangan bahawa Pemohon tidak mampu untuk membela dirinya kerana ini hanyalah suatu pernyataan dari Pemohon sendiri. Tidak terdapat di mana-mana dalam laporan-laporan tersebut yang menyatakan sama ada Pemohon ini layak ataupun tidak untuk dibicarakan atau memberi pengakuannya bagi tujuan membela diri.

- [17] Sebaliknya, Responden berhujah bahawa rumusan di atas tidak dibuat menurut peruntukan dan proses undang-undang yang sepatutnya, iaitu seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah. Kes *Ch'ng Poh @ Ch'ng Chong Poh v. Pendakwa Raya* [2016] CLJU 1750; [2016] 1 LNS 1750 dipetik untuk menyokong hujahan ini:

“Having submitted the above, to my mind, the learned counsel is under no certainty that the Appellant is not of Unsound Mind but it appears to be similar or rather could be suffering from mental disorder. With such doubt, it is my considered view that the session Judge can investigate the fact of the unsoundness of the Appellant by relying on the provision of the Criminal Procedure Code. As such the question essentially is whether the Appellant is for to be tried, section 342 adequately addressed this. To this extent, the Session Judge was correct in that the court has no power to declare the accused person is Unfit to Stand Trial in view of his disease “dementia” that he had suffered.”

- [18] Adalah menjadi hujahan Responden, Hakim Bicara perlu membuat penyiasatan dan sekiranya berpuas hati yang Pemohon tidak berupaya membuat atau menyediakan pembelaannya, Pemohon perlulah dirujuk ke hospital psikiatri untuk diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian pakar psikiatri. Hanya pakar ini yang boleh menyediakan suatu laporan untuk memberi pengesahan tentang keadaan mental Pemohon sebagaimana kehendak seksyen 342. Hospital psikiatri ditakrifkan di bawah seksyen 352 dan hospital dari mana eksibit A2 dan A3 dikeluarkan

tidak termasuk dalam 4 institusi mental yang diwartakan menurut seksyen 22 Akta Kesihatan Mental 2001.

DAPATAN MAHKAMAH

[19] Mahkamah ini telah meneliti kedua-dua kes yang dipetik oleh Responden, *The Queen v. Chui Te-Ken, Deacon and Another* dan *R v. M (supra)* dan berpendapat bahawa Mahkamah ini adalah tidak terikat dengan keputusan tersebut memandangkan di negara ini telahpun wujud suatu peruntukan undang-undang yang mantap, iaitu seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah yang menggariskan prosedur yang perlu dipatuhi dalam keadaan sepertimana dalam kes di hadapan Mahkamah ini pada hari ini.

[20] Kes *Ch'ng Poh @ Ch'ng Chong Poh v. Pendakwa Raya (supra)* menjelaskan perkara ini di mana YA PK di dalam kes tersebut menyatakan:

“I am of the opinion that the Criminal Code in fact deals amply with the issue of fitness to be tried by specifically providing that this arises in the case where the appellant is of unsound of mind. Hence, it is clear that the intention of Parliament is to provide for unsoundness of mind to be the only situation in which a person can be said to be unfit to be tried. The learned counsel application to invoke section 5 of the Criminal Procedure Code to import wide inherent powers to make such orders is a far-fetched application of the provision. To my mind, there is no lacuna in the law in this area as the only intended scenario by Parliament of whether an accused person is fit to be tried is where an accused person is of unsound mind (which is why section 342, Chapter XXXIII of Criminal Procedure Code was enacted). If Parliament had intended for any other disabilities or incapacities to be included, it would have enacted so accordingly. The fact that no such law exists in this country does not mean there is lacuna, but merely reflects Parliament’s

intention that no such law should exist in determining the fitness of an accused person to be tried.”

[21] Mahkamah ini bersetuju dengan pandangan ini, dan pandangan ini diperkuatkan lagi dengan apa yang dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Datin Seri Rosmah bt Mansor v. Public Prosecutor* [2022] 3 MLJ 601 seperti berikut:

“[56] It must be emphasised that s. 5 of the CPC is in relation to matters of criminal procedure for which no special provision has been made by the CPC or by any other law for the time being in force, only then the law relating to criminal procedure for the time being in force in England shall be applicable.

[57] Section 5 of the CPC lays down two preconditions before the courts can adopt and follow English Laws on criminal procedure, namely: (1) there must be a lacuna in the CPC; and (2) the proposed principles of English law on criminal procedure must not be inconsistent with the provisions of the CPC (see Public Prosecutor v. Dato’ seri Anwar bin Ibrahim [2010] 2 MLJ 353; [2010] 3 AMR1).”

[22] Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, Mahkamah ini berpendapat bahawa prosedur yang harus dipatuhi adalah termaktub di bawah seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah, sebagai suatu undang-undang mantan dan sedia ada di negara ini tanpa perlu menggunakan peruntukan seksyen 5 Kanun Tatacara Jenayah memandangkan tidak wujud sebarang lacuna berkaitan isu untuk menentusahkan keadaan mental seseorang bagi menghadapi perbicaraan.

KEPUTUSAN

[23] Berdasarkan apa yang dibincangkan di atas, Mahkamah ini berpendapat dan mendapati bahawa ini bukanlah suatu kes yang sesuai untuk Mahkamah ini melaksanakan kuasa sedia ada untuk

membenarkan permohonan Pemohon untuk membatalkan pertuduhan yang dihadapi oleh Pemohon memandangkan tiada bukti bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadapnya telah menyebabkan ketidakadilan dan menjurus kepada suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

[24] Oleh yang demikian, Mahkamah ini memutuskan bahawa isu tentang kompetensi dan status mental Pemohon untuk Pemohon dibicarakan dan keupayaan Pemohon untuk membela diri sewajarnya disiasat dan ditentukan oleh hakim bicara, iaitu Hakim Mahkamah Sesyen yang membicarakan kes ini.

[25] Dengan ini, permohonan Pemohon seperti di kandungan 1 adalah ditolak dan kes ini dikembalikan ke Mahkamah yang mengendalikan perbicaraan bagi menentusahkan status dan kompetensi Pemohon untuk dibicarakan.

Tarikh: 23 DISEMBER 2024

(AZHAR ABDUL HAMID)
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI JENAYAH
KUALA LUMPUR

Kaunsel:

Bagi pihak pemohon - Mohd Zainal Yusof Zainal Abiden; Alex Tan Chie Siam & Md Yunus Sharif; T/n Wong Kian Kheong

Bagi pihak responden - Nik Haslini Hashim, Mahadi Abdul Jumaat, Rasyidah Murni Adzmi, Muhammad Asraf Mohamed Tahir & Zander Lim Wai Keong; Timbalan Pendakwa Raya; Suruhanjaya Rasuah Malaysia